



جایتن اکام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Pengerusi Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau
Negeri Perak Darul Ridzuan

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : Bil. (20) JAIPK/BPM/11/1 Jld 2
Tarikh : 09 Syawal 1442
 21 Mei 2021

YABhg. Tan Sri/YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan,

PEKELILING PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI KAWASAN YANG DIKENAKAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI MASJID DAN SURAU NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Dengan segala hormat dan takzimnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita saya ingin menarik perhatian YABhg. Tan Sri/YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan terhadap aktiviti keagamaan bagi kawasan yang telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan yang akan dilaksanakan di masjid dan surau di kawasan berkenaan.

3. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni AlMarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah menimbangkan sembah nasihat daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dan setelah merujuk garis panduan Majlis Keselamatan Negara serta Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan ini menzhahirkan titah perkenan berikut:-

3.1 Solat Jumaat

Dibenarkan di masjid dan surau diri jumaat sahaja. Bilangan jemaah seramai 12 orang terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja. Bagi ahli kariah yang lain, hendaklah solat zohor bagi menggantikan solat jumaat di rumah masing-masing.

3.2 Solat Fardu dan Solat Jenazah

Dibenarkan di masjid, surau diri jumaat dan surau sahaja. Bilangan jemaah seramai 12 orang terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja.

3.3 Azan

Hendaklah dilaungkan seperti berikut:-

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ،
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ،
صَلَّوْا فِي بُيُوتِكُمْ، صَلَّوْا فِي بُيُوتِكُمْ،
الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Bilal yang bertugas hendaklah membuat pengumuman selepas azan seperti berikut:-

“Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Azan sebentar tadi menandakan masuknya waktu solat fardu... Sehubungan itu, para ahli kariah disarankan untuk mendirikan solat berjemaah bersama ahli keluarga masing-masing di rumah.”

3.4 Tiada aktiviti keagamaan di masjid dan surau seperti kelas agama dan kuliah pengajian.

4. Sehubungan dengan itu adalah dipohon pihak YABhg. Tan Sri/YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan agar dapat mematuhi pekeliling ini bagi mengurangkan risiko penularan wabak penyakit, menetapkan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan bagi memastikan kesihatan awam tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)

Pengarah,
Jabatan Agama Islam Perak.

myusop@perak.gov.my

05-2084800 / (F) 05-2555512

S.k Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
Orang Besar Jajahan Daerah
Pegawai Tadbir Agama Daerah
Fail Timbul



JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

AKTIVITI KEAGAMAAN	PANDUAN
Solat Jumaat	<ul style="list-style-type: none">Dibenarkan di masjid dan surau diri jumaat sahaja.Bilangan jemaah seramai 12 orang terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja.
Solat Fardu dan Solat Jenazah	<ul style="list-style-type: none">Dibenarkan di masjid, surau diri jumaat dan surau sahaja.Bilangan jemaah seramai 12 orang terbatas kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sahaja.
Azan	<p style="text-align: center;">الله أكْبَرُ، الله أكْبَرُ، الله أكْبَرُ، أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ، صَلَّوْا فِي بُيُوتِكُمْ، صَلَّوْا فِي بُيُوتِكُمْ، الله أكْبَرُ، الله أكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ</p> <p>Bilal yang bertugas hendaklah membuat pengumuman selepas azan seperti berikut:-</p> <p style="text-align: center;">“Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Azan sebentar tadi menandakan masuknya waktu solat fardu... Sehubungan itu, para ahli kariah disarankan untuk mendirikan solat berjemaah bersama ahli keluarga masing-masing di rumah.”</p>
Aktiviti Keagamaan	TIDAK DIBENARKAN

KETETAPAN DAN ARAHAN KEPADA PIHAK PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

Pihak pengurusan masjid dan surau hendaklah memastikan perkara ini dipatuhi dan diamalkan sepanjang masa	<ul style="list-style-type: none">Pemakaian pelitup muka dengan betulPendaftaran kehadiran melalui MySejahtera atau buku pendaftaranMengambil bacaan suhu badanMengamalkan jarak fizikal sekurangnya 1 meter antara jemaahMembawa sejadah bersaiz besarTidak membawa kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawahMengambil wuduk dari rumahMemastikan jumlah kehadiran jemaah mengikut ketetapan
----------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

* Mana-mana masjid, surau diri jumaat dan surau yang melanggar dan tidak mematuhi arahan ini, boleh dikenakan tindakan dan kebenaran melaksanakan aktiviti keagamaan boleh ditarik balik serta merta.

